

DATE: 31 / 07 / 2007

NCER permuafakatan majukan negara: PM

Gandingan kerajaan, swasta jayakan inisiatif pembangunan

Oleh Azmi Md Deros, Fazli
Abdullah, Johari Ibrahim,
Adha Ghazali dan Rashidi Karim

ALOR STAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak bekerjasama rapat dalam menjayakan inisiatif pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Sambil menegaskan Kerajaan Pusat bukan mengambil alih peranan kerajaan negeri, Perdana Menteri berkata, sektor awam juga mesti berganding dengan pihak swasta serta berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan inisiatif itu.

"Pembangunan negara perlu satu muafakat yang besar antara kerajaan dan swasta, yang membabitkan satu gerakan raksasa bagi menjayakan pembangunan dirancang ini. Semoga usaha ini diberkati dan mudah-mudahan mencapai kejayaan," katanya ketika melancarkan Rangka Tindakan NCER di Bangunan Mada, di sini, semalam.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 10,000 orang itu, Abdullah turut melancarkan laman web NCER dan Program Pesawah Separa Perlindungan Mada.

Perdana Menteri berkata, satu badan pelaksana dan penyelarasan NCER juga ditubuhkan tidak lama lagi, yang dipengerusikan bersama beliau dan Menteri Besar serta Ketua Menteri empat negeri terbabit.

Abdullah menjelaskan kerajaan melantik Sime Darby Berhad sebagai peneraju dan perancang NCER kerana syarikat itu adalah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Ini bukan bermakna pegawai kerajaan tidak boleh melaksanakan kerja itu, sebaliknya bagi membolehkan mereka menumpukan kepada perkhidmatan awam lain yang lebih banyak lagi," katanya.

Apa yang penting, kata Abdullah,



KERJASAMA PADU: Abdullah bergandingan tangan bersama (dari kiri) Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali selepas melancarkan Rangka Tindakan NCER di Ibu Pejabat Mada di Alor Star, semalam.

sektor awam berperanan sebagai pemudah cara bagi memastikan kejayaan pelaksanaan NCER.

Perdana Menteri berkata, konsep Koridor Utara dilaksanakan berdasarkan kesedaran bahawa pembangunan akan terlaksana dengan lebih teratur dan pantas jika potensi setiap negeri digembleng secara bersama.

Sementara itu, pada upacara pecah tanah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Benih Sime Darby

FAKTA NOMBOR

Pusat R&D Benih Sime Darby

RM40j

Kos

16

Hektar luas tapak

serta pelancaran NCER peringkat negeri Perlis, Abdullah berkata, pusat berharga RM40 juta itu akan menjadi pemangkin industri bioteknologi negara, selain menaikkan imej Perlis sebagai hab penyelidikan benih bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata, pusat itu diharap dapat mengurangkan penggantungan negara kepada sumber benih dari luar yang kini dianggarkan menelan belanja sehingga RM100 juta setahun.